

Label serangan pengganas

2 APR 2002
Oleh MOHD KAMIL YUSOFF

KUALA LUMPUR 1 April — Malaysia mahu masyarakat dunia melabelkan sebarang bentuk serangan ke atas orang awam termasuk negara atau kerajaan yang menyokongnya ditakrif sebagai pengganas dan tindakan mereka perlu dibanteras.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sama ada penyerang bertindak sendiri atau arahan kerajaan mereka, sama ada sering atau tidak, perbuatan itu mesti dianggap pengganas.

"Bagaimanapun, jika orang awam tanpa disengajakan terperangkap dalam pertempuran, penyerang tidak boleh dilabelkan sebagai pengganas," katanya.

● **Teks ucapan penuh PM — Muka 6**

● **Lagi laporan — Muka 2 dan 3**

Sehubungan itu, beliau mengajak masyarakat dunia mencapai persetujuan antarabangsa mengenai takrif keganasan dan bertindak secara kolektif terhadap mereka yang mencetuskannya.

"Kita tidak boleh memburu pengganas sehingga kita semua dapat mencapai kata sepakat siapa mereka dan bekerjasama menjejaki mereka.

"Kita perlu mencapai persetujuan untuk mengenal pasti pengganas dan apa yang dimaksudkan dengan keganasan," katanya ketika berucap merasmikan Sesi Khas Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (ICFM) Mengenai Keganasan di sini hari ini.

Sesi khas yang menjadi tumpuan dunia menemukan 52 daripada 57 wakil OIC itu, adalah inisiatif Malaysia ke arah membendung keganasan global.

Deklarasi Kuala Lumpur antara lain menentukan takrif keganasan, puncanya dan bentuk tindakan dijangka dikeluarkan pada akhir sesi khas tiga hari itu.

Berdasarkan takrif keganasan itu, Perdana Menteri menyenaraikan serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) 11 September tahun lalu, pengeboman berani mati oleh rakyat Palestin dan Barisan Pembebasan Harimau Tamil Eelam (LTTE), serangan ke

■ **Lihat muka 4**

Label serangan pengganas

atas orang awam oleh tentera Israel dan pembunuhan rakyat Bosnia sebagai tindakan ganas serta pelakunya perlu dilabel sebagai pengganas.

Dalam hal ini, beliau mahu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menjadi gandingan terbaik masyarakat dunia menakrif keganasan dan bertindak terhadap masalah itu.

Dr. Mahathir menegaskan, tidak ada badan selain daripada PBB yang berwibawa dan mempunyai kuasa untuk membuat keputusan tersebut.

Bagaimanapun, tegas Perdana Menteri: "Apabila PBB telah membuat keputusan, seluruh dunia harus bekerjasama sepenuhnya untuk membanteras pengganasan terlibat."

Menurut Dr. Mahathir, masyarakat antarabangsa perlu memerangi pengganas dan keganasan kerana tiada siapa yang benar-benar selamat daripada angkara tersebut.

"Tetapi mustahil bagi kita untuk melawan musuh yang kita sendiri tidak kenal," katanya.

Katanya, memerangi pengganas bukan seperti berperang dengan sebuah negara lain.

"Jika kita mahu hentikan keganasan baru, kita perlu menangani punca rasa terbuku hati dan kemarahan mereka dan perlu cuba menghapuskannya. Kita perlu cuba melakukannya ini dengan bersungguh-sungguh.

"Bagaimanapun, tidak ada kaum atau agama patut dikutuk atau didiskriminasi hanya kerana orang daripada kaum atau agama tersebut terlibat dalam kegiatan pengganas," tegasnya.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir membanteras sebarang usaha mengaitkan Islam dengan keganasan.

Ini kerana menurutnya, penganut agama

lain juga bersalah sebagai pengganas jika mereka terlibat dalam keganasan.

Sementara takrifan tindakan keganasan dikenal pasti, Dr. Mahathir berpendapat adalah mustahak satu persetujuan antarabangsa dicapai mengutuk sesuatu insiden tertentu sebagai tindakan ganas oleh pengganas.

Dengan itu, katanya, masyarakat dunia dapat bekerjasama dan turut serta dalam apa jua tindakan yang akan diambil terhadap pengganas tersebut.

"Pengganas tidak akan menghormati konvensyen antarabangsa. Jadi apa baiknya konvensyen dalam memerangi pengganas? Tidak ada apa pun.

"Tetapi ia akan meletakkan bebanan ke atas semua kerajaan untuk bertindak ke atas mereka yang melanggar konvensyen itu," katanya.

Pada masa yang sama, Dr. Mahathir berpendapat langkah-langkah untuk mengelakkan kecenderungan sesuatu pihak atau kerajaan ke arah keganasan perlu dilakukan dengan mengenal pasti, lantas meminggirkan punca kemarahan dan kesengsaraan mereka.

Bagi beliau, punca-punca tersebut mesti ditangani dan dibanteras secara serius jika benar-benar hendak menghentikannya.

"Saya tidak fikir orang sanggup meletupkan diri sendiri hanya kerana mereka seronok melakukannya. Ini adalah perbuatan terdesak, tindakan orang yang tidak nampak cara untuk menghentikan kesengsaraan mereka," katanya.

Katanya, ketidakadilan yang berlaku hasil daripada jurang perbezaan yang ketara antara negara kaya dan miskin, kuat dan lemah perlu ditangani kerana ia merupakan faktor yang boleh mendorong kepada tindakan ganas.